

LAPORAN PROJEK

MULTI TESTER FOR HEALTH

MOHD SUFIAN BIN BORHAN
08DEU00F514

MOHD SAIFULNIZAM BIN MOHD NOH
08DEU00F516


LAPORAN INI DIKEMUKAKAN KEPADA
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

UNTUK MEMENUHI SYARAT
KURSUS DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK PERUBATAN
JUN 2003


TESTIMONIAL

Laporan ini adalah hasil usaha kami sendiri kecuali dari bahagian-bahagian yang dilampirkan dari sumber-sumber yang dinyatakan.

Disediakan oleh;




Mohd Sufian bin Borhan (O8DEUOOF514)



Mohd Saifulnizam Mohd Noh (O8DEUOOF516)

Disemak oleh;



En. Zunuwanas b. Mohamad

En. Abu Bakar b. Hafis



Cik Wee Soo Lee

DEDIKASI

Teristimewa buat pensyarah-pensyarah dan teman-teman di politeknik yang banyak membantu dalam proses untuk menyiapkan projek ini secara langsung mahupun tak langsung.

PENGHARGAAAN

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dan hidayahnya kami dapat menyiapkan projek kami yang bertajuk "MULTI HEALTH TESTER" ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih ingin kami tujukan kepada pensyarah bagi mata pelajaran

Projek E519. Mereka ialah En. Zunuwanas Mohamad, En. Abu Bakar Hafiz dan Cik Wee Soo Leng yang telah sudi membantu serba sedikit bagi menyiapkan projek kami ini. Walau pada mulanya banyak masalah yang kami hadapi tetapi dengan bantuan mereka maka dapatlah kami menyiapkannya.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan kami layangkan khas buat keluarga tercinta yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada kami disepanjang pengajian kami berada di Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah terutamanya dalam menjayakan projek ini.

Disamping itu terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan sekelas kami yang membantu serba sedikit tentang projek ini


Akhir sekali ingin kami ucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami menyiapkan projek ini "MULTI HEALTH TESTER".

OBJEKTIF PROJEK

Objektif-objektif perlaksanaan projek ini ialah :

1. Untuk merekacipta sistem keselamatan yang boleh memberi kemudahan kepada pengguna.
2. Untuk memberi pengalaman kepada para pelajar dalam memahami konsep litar elektronik.
3. Supaya para pelajar dapat mengenal setiap komponen yang digunakan beserta dengan fungsi-fungsinya.
4. Untuk memastikan semua litar yang dihasilkan berfungsi dengan sempurna dan gabungan litar adalah betul.
5. Dapat memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan dalam melaksanakan projek mengikut tugas yang telah diagih-agihkan.
6. Supaya dapat melahirkan idea-idea yang bernas dan berfikiran kreatif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
7. Untuk memastikan semua kerja dapat disiapkan mengikut jadual perancangan kerja yang telah tersedia.
8. Teknik-teknik pematerian, pemasangan komponen, punaran(etching) dan sebagainya dapat dipelajari dengan betul.
9. Cara-cara untuk mengira nilai-nilai komponen juga dapat dipelajari.

CARTA ALIR PERLAKSANAAN PROJEK



ISI KANDUNGAN

mukasurat

Muka depan
Testimonial
Dedikasi
Penghargaan
Objektif projek
Carta alir

BAB 1

- | | | |
|-----|---------------------------------------|----|
| 1.1 | objektif mata pelajaran | -1 |
| 1.2 | ringkasan aktiviti sem. 5 | |
| | -penyediaan dan pembentangan cadangan | |
| 1.3 | ringkasan aktiviti sem. 6 | -3 |
| 1.4 | tujuan laporan projek | -4 |

BAB 2

- | | | |
|-----|-------------------------|-----|
| 2.1 | komponen yang digunakan | -6 |
| | -perintang | |
| | -LED | |
| | -diod zener | |
| | -kapasitor | |
| | -pemuat elektrolitik | |
| | -pemuat seramik | |
| | -relay | |
| | -suis | |
| | -transistor | |
| | -ic | |
| | -bateri | |
| 2.4 | proses pembuatan litar | |
| | proses asas | -18 |

langkah-langkah pematrian	-20
2.5 peralatan	-21
2.6 senarai komponen	-24

BAB 3

Pengenalan litar

3.1 litar pengujian garam	-29
3.2 litar pedometer	-30
3.3 tan timer	-31
3.4 kendalian	-32

BAB 4

Fisiologi

Kulit	-38
Epidermis	-39
Lapisan epidermal	-40
Apendaj kulit	-46
Fungsi kulit	-47

BAB 5

Masalah yang di hadapi	-58
Cadangan	-60
Kesimpulan	-61

PENGENALAN

1.1 Objektif Mata Pelajaran Projek

Mata pelajaran projek ini yang dijalankan selama 2 semester iaitu pada semester 5 dan 6 merupakan salah satu syarat bagi penuntut Diploma dan Sijil untuk menamatkan pengajian di Politeknik. Pendekatan yang dilakukan oleh Politeknik ini mempunyai objektif yang tertentu . Objektif-objektif utamanya adalah seperti di bawah :

- ❖ Mendedahkan pelajar kepada konsep Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).yang sangat dialu-alukan oleh kerajaan.
- ❖ Menambahkan dan meluaskan pengetahuan teknikal dan kemahiran pelajar.
- ❖ Menimbulkan minat dan kesedaran pelajar terhadap mata pelajaran di Politeknik.
- Membolehkan pelajar mengaitkan teori-teori kepada praktikal dan sebaliknya.
- ❖ Mengamalkan peraturan-peraturan keselamatan yang dipelajari dapat dipraktikkan suaya tidaka kekeok melakukan dalam alam pekerjaan.

□ Membina keyakinan diri serta menanam sifat bertanggungjawab dan bekerjasama dalam melakukan kerja secara berkumpulan.

❖ Mencungkil daya kreativiti dan imaginasi pelajar.

❖ Kajian yang dilakukan menjadi boleh menjadi perintis dan rujukan pada masa akan datang .

❖ Memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan bakat dalam penghasilan sesuatu ciptaan.

❖ Membolehkan pelajar memberi informasi yang tepat berkenaan dengan ciptaan yang dihasilkan melalui pameran yang dijalankan .

❖ Memberi pendedahan terhadap kaedah penyediaan kertas cadangan projek.

1.2 Ringkasan Aktiviti Semesta 5.

❖ **Perancangan Projek .**

- Mencadangkan projek yang sesuai dan membuat perancangan di dalam membentangkan serta persediaan awal membina projek .

- Membuat kajian prinsip atau kaedah yang berkaitan dengan projek .
- Membuat analisa dan pemilihan ke atas konsep yang digunakan dalam projek dengan tepat untuk mencapai matlamat yang ditetapkan .
- Merekabentuk atau mencari litar yang sesuai .
- Menganggarkan kuantiti komponen dan kos projek .

❖ **Penyediaan Dan Pembentangan Kertas Cadangan Projek .**

- Memberi pendedahan terhadap kaedah penyediaan kertas cadangan projek.
- Membuat pembentangan kertas cadangan kepada pensyarah .
- Mendapatkan peralatan dan komponen mengikut justifikasi yang ditentukan setelah mendapat kelulusan pensyarah .
- Menyediakan jadual sasaran kerja projek .

1.3 Ringkasan Aktiviti Semester 6

- menyiapkan secara keseluruhan litar-litar yang hendak dibuat dalam projek ini.
- Mempelbagaikan litar untuk menjadikan litar boleh digunakan atau dipraktikkan diluar.
- Membuat model-model bagi litar tersebut. Dalam litar ini saya menggunakan model pintu rumah untuk penyambungannya.

1.4 Tujuan Laporan Projek.

Buku laporan ini mengandungi maklumat-maklumat tentang kegiatan perjalanan projek yang dijalankan di Politeknik Shah Alam selama 2 semester iaitu pada semester 5 dan semester 6 .

Ia menerangkan kegiatan perjalanan projek secara terperinci dan menjadi bukti dalam perlaksanaan projek . Ia juga dapat melatih pelajar supaya dapat mengikut arahan-arahan dan langkah-langkah yang ditetapkan semasa menulis laporan projek .

Selain itu buku laporan projek ini boleh dijadikan rujukan dan ia merupakan dokumen yang akan digunakan oleh pensyarah untuk menilai prestasi pelajar dalam menjalankan projek .

Laporan ini juga akan membantu para pelajar supaya mereka dapat memahami bagaimana membuat satu laporan rasmi dimana akan mereka lakukan semasa dalam pekerjaan kelak. Corak penulisan dan cara membuat laporan adalah sama seperti mana yang dipraktikan sekarang.

BAB 2 : KOMPONEN DAN PERALATAN



3.1 KOMPONEN YANG DIGUNAKAN PADA LITAR

a) Perintang

- ☐ Perintang merupakan komponen yang penting dan kerap digunakan di mana ia berfungsi sebagai pengurang arus dan voltan daripada mengalir berlebihan di dalam sesuatu litar .
- ☐ Haba akan terhasil apabila arus yang besar mengalir melaluinya .
- ☐ Bahan binaan perintang terdiri daripada karbon , logam dan seramik .
- ☐ Perintang terbahagi kepada dua jenis iaitu perintang tetap dan perintang boleh laras.
- ☐ Perintang tetap mempunyai nilai rintangan yang telah ditetapkan manakala perintang boleh laras nilai rintangannya boleh diubah mengikut ketetapan yang diperlukan .
- ☐ Nilai perintang tetap ditunjukkan oleh kod-kod warna yang terdapat pada badannya manakala nilai maksima bagi perintang boleh laras telah ditetapkan oleh kilang pengeluaranya .
- ☐ Unit bagi rintangan ialah ohm (Ω) .
- ☐ Jenis-jenis kerosakan yang biasa pada perintang ialah terbuka di mana apabila diuji nilai kerintangannya dengan menggunakan meter ohm ialah nilai rintangannya adalah infiniti .
- ☐ Pada kebiasaannya tanda hitam kesan terbakar pada badan perintang menunjukkan ia telah rosak .



WARNA	JALUR PERTAMA	JALUR KEDUA	JALUR KETIGA	JALUR KEEMPAT
HITAM	0	0	1	
COKLAT	1	1	10	Ω 1 %
MERAH	2	2	100	Ω 2 %
OREN	3	3	1000	
KUNING	4	4	10000	
WARNA	JALUR PERTAMA	JALUR KEDUA	JALUR KEEMPAT	
HIJAU	5	5	100000	
BIRU	6	6	1000000	
UNGU	7	7	10000000	
KELABU	8	8	100000000	
PUTIH	9	9	1000000000 0	
EMAS			0.1	Ω 5 %
PERAK			0.01	Ω 10 %
TIADA WARNA			0.001	Ω 20 %

Rajah 2.1: Jadual Nilai Perintang



Rajah3.2 : Simbol perintang tetap dan perintang boleh laras

b) LED [Light Emitter Diode]



Rajah3.2.1 : Simbol LED
Gambarajah


Rajah3.2.2 :

LED

- ☐ Diod pemancar cahaya juga merupakan salah satu daripada keluarga diod .
- ☐ Kedua-dua diod dan LED membenarkan arus mengalir melaluinya hanya satu hala tetapi beza LED dan diod ialah LED berkemampuan untuk mengeluarkan cahaya .

- ☐ Tanda 'flat' pada badan LED menunjukkan ia adalah kaki katod yang bersifat negatif (-) manakala kaki anod yang bersifat positif (+) pula kebiasaannya adalah lebih panjang daripada kaki katod .
- ☐ Multimeter pada julat rintangan boleh digunakan untuk menguji LED .
- ☐ LED menghalang pengaliran arus yang terbalik tetapi hanya membenarkan pengaliran arus kedepan sahaja melaluinya dan akan memancarkan cahaya dengan warna tertentu
- ☐ LED dibina daripada galium dan galium arsenik fosfat dimana lapisan substratum galium arsenik diletakkan secara tumbuh .
- ☐ Semasa proses ini dijalankan , satu bahan asing dicampurkan bagi menjadikan lapisan epikasi gallium sebagai fosfat iaitu bahan jenis N .
- ☐ Lapisan ini seterusnya disalut dengan bahan penebat dan bahan jenis P ditanamkan kedalam lapisan ini melalui satu ruang yang telah disediakan .
- ☐ Satu simpang PN akan terbentuk bagi foto yang dijalankan berhampiran dengan simpang terlepas keluar dari peranti dan lapisan jenis P dibuat senipis-nipis yang boleh.
- ☐ Sesentuh diletakkan di atas lapisan bahan P dan pada bahagian bawah lapisan substratum bagi tujuan sambungan luar .
- ☐ Setelah itu bahan P akan diletakkan di dalam bekas tertentu yang mengandungi kanta yang dibuat dari bahan plastik .

c) Diod zener



Rajah 3.3.1: Simbol Diod Zener

- ☐ Diod zener banyak digunakan di dalam litar pengatur voltan yang bertindak sebagai penstabil di mana ia akan menghadkan voltan .
- ☐ Diod zener ini beroperasi pada voltan pincang balikan .
- ☐ Apabila bezaupaya bertambah melintasi simpang P-N , arus yang tinggi akan melintasinya sebaik sahaja mendapat voltan zener .
- ☐ Ini dikenali sebagai 'kesan zener'.
- ☐ Diod ini mempunyai kadaran tertentu antaranya ialah voltan zener , had zener , kuasa lesapan maksima dan arus bocor berbalik .

d) Pemuat / kapasitor .

- ☐ Terdapat berbagai-bagai jenis kapasitor seperti kapasitor jenis elektrolitik, kertas, mika ,seramik dan sebagainya .
- ☐ Pada amnya kapasitor terdiri daripada dua plat yang selari dan tidak bersentuhan di antaranya .

- ☐ Bagi kapasitor kadaran voltannya yang akan menentukan bezaupaya maksima yang dibekalkan bagi melintangi plat tanpa merosakkan plat .
- ☐ Nilai kemuatan bagi kapasitor diukur dalam nilai μf .
- ☐ Kebiasaannya kapasitor digunakan sebagai penapis , pemirau dan pengganding .
- ☐ Jenis-jenis kerosakan yang biasa berlaku pada kapasitor ialah terbuka , terpintas dan bocor .
- ☐ Kerosakan ini boleh dikesan dengan cara mengukurnya dengan menggunakan multimeter , meter LCR kemuatan atau osiloskop .

e) Pemuat Elektrolitik .

- ☐ Kapasitor ini merupakan salah satu daripada kapasitor jenis tetap .
- ☐ Kapasitor ini biasa digunakan kerana kekuatan kapasitannya berada didalam nilai dari $1\mu\text{f}$ sehinggalah $1000\mu\text{f}$ dengan setiap satu kapasitor mempunyai ukuran yang berbeza .
- ☐ Lebih besar nilai kapasitannya maka lebih besarlah saiz ukurannya .
- ☐ Umumnya kapasitor ini mempunyai dua kerajang lapisan aluminium yang direndam dalam cecair karbonat atau fosfat .
- ☐ Satu daripada lapisan ini dijadikan kutub positif apabila diturap dengan oksid filem nipis yang bertindak sebagai dielektrik dan

larutan amonium borate dijadikan bahan elektrolitik yang menghubungkan kedua-dua tadi .

- Tidak seperti kapasitor lain , kapasitor ini mempunyai kutub positif dan negatif . Jika kekutuban ini disambung terbalik kapasitor akan bocor disebabkan bahan dielektrik rosak dan mungkin mengakibatkan letupan atau kapasitor menjadi litar pintas .


f) Pemuat jenis seramik .



Rajah3.4.2.1 : Simbol kapasitor tetap dan kapasitor boleh laras

- Kapasitor jenis ini kebanyakannya bersaiz kecil dan merupakan kapasitor jenis tetap.
- Biasanya ia menyimpan kapasitan diantara 1pf hingga 0.01 μ f .
- Pemuat jenis ini menggunakan seramik sebagai dielektrik dan satu lapisan perak sebagai pelit .
- Walaupun kapasitor ini bersaiz kecil tetapi dapat berfungsi dalam litar yang bervoltan lebih daripada 2000 v .

g) Relay




Rajah 2.2.5.1 : Simbol relay

- ☐ Relay merupakan sejenis komponen yang digunakan untuk menyambungkan dan memutuskan sesuatu litar .
- ☐ Sesuatu relay akan bekerja apabila gegelung mendapat tenaga untuk menarik suis.
- ☐ Relay akan terus memegang sesentuh tanpa melepaskannya sehingga bekalan diputuskan .
- ☐ Relay hanya mempunyai satu gegelung yang mempunyai nombor yang berbeza bagi setiap sambungannya .
- ☐ Apabila gegelung ditenagakan ia akan menghasilkan medan magnet dan akan menolak sesentuh yang lain untuk memberikan satu sambungan litar .
- ☐ Kaki normally close pada keadaan biasa dimana tiada bekalan akan disambungkan pada terminal C manakala normally open akan bercantum dengan C apabila relay diberikan tenaga dan C adalah asas penyambungan dimana sambungannya akan

bercantum ke terminal N/C ketika tiada bekalan dan akan bercantum dengan N/O apabila ada bekalan mengalir melaluinya


☐ h) Suis



Rajah 2.3.6.1 : Simbol suis

- ☐ Dalam bentuk paling mudah suis boleh dianggap sebagai komponen yang berfungsi untuk menyambung dan memutuskan litar .
- ☐ Selain set sentuhan kendalian meakanik yang biasa ditemui , suis juga boleh didapati dalam bentuk kendalian haba, elektromekanik, magnet atau elektrolitik .
- ☐ Suis bertindak menghalang arus mengalir ke dalam litar .

i) Transistor



Rajah2.3.6.1 :Simbol transistor NPN

TRANSISTOR


- ☐ Transistor adalah hasil cantuman diantara dua diod yang mengandungi lapisan nipis separuh pengalir dari jenis P dan N .
- ☐ Terdapat tiga terminal pada transistor iaitu tapak, pemungut dan pemancar .
- ☐ Pemancar mestilah berada pada pincang hadapan supaya ia mendapat bekalan voltan utama yang secukupnya .
- ☐ Pemungut mestilah sentiasa berada pada keadaan pincang balikan yang mana tugasnya adalah memungut dan memindahkan pembawa dari cawangan ke tapak .
- ☐ Tapak adalah bahagian tengah transistor yang memisahkan pengeluar dan pemungut dengan keadaan kadar catatannya yang rendah .
- ☐ Rintangan simpang antara pengeluar dan pemungut serta dasar bergantung kepada pincang transistor dimana pincang hadapan rendah dan pincang balikan tinggi .
- ☐ Transistor biasa digunakan sebagai penguat . Ia berkeupayaan untuk meninggikan amplitud sesuatu isyarat .

- ☐ Isyarat yang dibekalkan kepada transistor hanya dikuatkan dan dinyatakan dalam bentuk arus, voltan dan kuasa .
- ☐ Transistor dikawal oleh arus yang mengalir melalui terminalnya .
- ☐ Jenis kerosakan yang biasa berlaku pada transistor ialah terpinas dimana apabila satu simpang mempunyai rintangan depan dan rintangan balikan yang rendah terutama sekali pada kedua-dua rintangan yang sama .
- ☐ Bagi kerosakan jenis terbuka berlaku apabila satu simpang mempunyai rintangan hadapan dan balikan yang terlalu tinggi .

k) Litar bersepadu (IC)

- ☐ IC adalah satu cip yang mengandungi komponen seperti transistor, perintang, diod dan kapasitor .
- ☐ Kesemua komponen tersebut bersaiz kecil dan dipadatkan didalamnya (cip) .
- ☐ Jenis-jenis IC boleh dibahagikan kepada dua kumpulan besar iaitu IC berdigit dan IC lurus .
- ☐ IC berdigit mengandungi litar jenis penyuisan yang menggunakan bahagian isyarat-isyarat elektrik yang mempunyai satu atau dua nilai .
- ☐ IC lurus termasuklah litar-litar jenis penguat bagi frekuensi audio dan juga radio .
- ☐ IC tersebut menguruskan isyarat-isyarat yang berbentuk elektrik seperti analog kuantiti.

- ☐ Bagi projek helmet ini IC yang digunakan terdiri daripada gabungan CMOS dan 4 NAND Gate .
- ☐ Ia berfungsi sebagai litar pemacu yang mana juga bertindak sebagai litar pensuisan .
- ☐ Penggunaan lain bagi IC didalam projek ini ialah sebagai penyahkod .



Rajah2.3.7.1: Gambarajah IC

I) Bateri 9v

- ☐ Ia merupakan satu sel kering yang berfungsi sebagai back-up nyalaan LED keluaran.
- ☐ Selain itu , ia juga digunakan untuk memberi fungsi kepada keypad ketika bit (kod digit) yang dimasukkan akan berfungsi dengan lancar.

2.4 PROSES (TEKNIK) PEMBUATAN LITAR

A) Proses Asas Litar

a) Proses 'Etching'.

Etching dilakukan bagi menghakis bahagian kuprum yang tidak disurih. Asid ferric chloride digunakan dalam proses ini. Asid tersebut perlu dicampur dengan air suam terlebih dahulu. Kemudian papan PCB tersebut dicelupkan pada bancuhan tersebut dan perlu digoncangkan bagoi mempercepatkan proses 'etching'.

b) Menghilangkan I.C Lettering atau dakwat Pen Maker.

Untuk menghilangkan Lettring dan dakwat Pen Maker bolehlah menggunakan kertas pasir, gosok periuk dan juga 'thinner'. Ia haruslah di buang supaya arus dapat mengalir melalui kuprum yang tertinggal selepas etching.

c) Mengerudi lubang pada PCB

Tandakan titik pada lubang yang hendak digerudi terlebih dahulu bagi mengelakkan kerosakkan pada surihan litar kelak. Kerja tersebut dilakukan dengan menggunakan paku kecil. Pastikan mata pengerudi adalah bersesuaian dengan kaki-kaki komponen yang digunakan.

d) Memasang komponen pada papan PCB.

Pemasangan komponen dilakukan dengan kemas dan cermat supaya nilai atau polariti kaki komponen yang dipasang tidak salah. Kaki-kaki komponen dimasukkan kedalam lubang yang disediakan dan di 'Solder' supaya ia kukuh dan terlekat pada surihan kuprum (pengalir).

e) Pematerian (*Soldering*)

Pematerian adalah satu kerja yang akan menghasilkan cantuman kaki-kaki komponen pada pengalir (kuprum). Pematerian komponen ini menggunakan sejenis timah yang dinamakan *Solder Lead* . Dimana terdapat 2 bahan campuran karbon dan timah. Kadar kandungan karbon adalah 60% dan timah pula sebanyak 40%.

Kualiti soldering adalah berkadar terus dengan 'performance' alat. Satu kesalahan soldering boleh mengakibatkan seluruh litar tidak akan berfungsi. Apabila timah dikenakan pada kaki komponen, timah tersebut akan tertarik ke permukaan pengalir (kuprum) dan kaki komponen juga.

Satu masalah yang timbul adalah apabila terdapat 'filem oksid' atau kotoran pada permukaan pengalir atau kaki komponen. Ini akan mengakibatkan pematerian tidak mengena atau terlekat. Disebabkan oleh kaki komponen yang terangkat ataupun 'floating' maka

komponen tersebut seolah tidak terdapat dalam litar dan mengakibatkan litar tidak berfungsi kerana satu komponen yang tersebut. Oleh itu pastikan litar dan kaki komponen dibersihkan terlebih dahulu.

Pematerian yang baik mestilah :-

- ☐ Memberikan penyambungan elektrik yang baik.
- ☐ Memberikan kekuatan mekanikal yang baik
- ☐ Penggunaan timah yang minimum.
- ☐ Menggunakan timah yang berkualiti.

B) Langkah-Langkah Pematerian.

Pematerian yang baik dapat dihasilkan jika kaedah memateri diamalkan.

- ☐ Bit alat pemateri, PCB dan kaki komponen hendaklah bersih dan tidak berminyak. Hujung bit alat pemateri dibersihkan dengan cara mengesetnyakannya pada span yang lembab.
- ☐ Alat pemateri dipanaskan. Bit alat pemateri mestilah cukup panas. Bagi membolehkan pengaliran haba yang baik dari alat pemateri dan kaki komponen sedikit pateri disalurkan pada hujung bit.
- ☐ Bit yang telah panas disentuhkan pada tempat yang hendak dipateri.

- ☐ Sentuh pateri (solder lead) pada tempat yang telah dipanaskan tanpa mengangkat bit alat pemateri.
- ☐ Pematerian pada kaki komponen dan PCB hendaklah sempurna. Elakkan pateri daripada melimpah.
- ☐ Angkat pateri dan diikuti dengan alat pemateri.
- ☐ Biarkan pateri membeku dengan sendiri.
- ☐ Setelah selesai menggunakan alat pemateri , bersihkan bit.
- ☐ Setelah pematerian, PCB boleh dicuci bagi membuang segala flux dengan menyapukan cecair pencuci iaitu larutan sonic-solve ke atas pematerian yang telah dibuat,
- ☐ Periksa penyambungan yang telah dibuat setelah dipateri. Ia sepatutnya tegap dan tidak berminyak.
- ☐ Pastikan tiada lebihan pateri. Jika ada lebihan pateri, desoldering perlu dibuat.
- ☐ *Desoldering* boleh dilakukan menggunakan alat-alat seperti *solder sucker* dan *tinning stranded wire*.

c) Langkah-Langkah Yang Harus Dilakukan Semasa Desoldering

- ☐ Cairkan sambungan dengan menggunakan solder iron .
- ☐ 'Sucker' atau penyedut diletakkan diatas soldering lead yang telah cair.
- ☐ Punat tekan 'sucker' ditekan bagi menghilangkan soldering lead yang cair tadi.
'sucker' dialihkan dan komponen dapat dikeluarkan dengan mudah.

2.5 PERALATAN YANG DIGUNAKAN

Alat yang telah digunakan untuk menyiapkan projek ini:

1. MULTIMETER

- digunakan untuk menguji komponen untuk memastikan komponen yang hendak digunakan tidak rosak.
- untuk menguji laluan arus pada kuprum litar tercetak pada PCB untuk memastikan ia ada laluan arus.
- mengukur voltan keluaran

2. ALAT PENEBUK LUBANG PCB

- menebuk lubang pada PCB yang telah dicetak litarnya selepas etching

3. ALAT PEMATERI

-untuk memateri kaki komponen menggunakan timah pada papan PCB

4. TIMAH

-melekatkan kaki komponen pada papan PCB

5. PENYEDUT TIMAH

-menyedut timah yang telah rosak atau yang tidak diperlukan

6. PEMOTONG(CUTTER)

-untuk memotong kaki komponen setelah selesai dipateri

7. GERGAJI

-untuk memotong papan PCB

8. KERTAS PASIR

-menghilangkan lapisan littering di atas papan PCB untuk memudahkan proses pematerian

9. PLAYAR MUNCUNG TIRUS

-membentuk kaki komponen semasa komponen dipasang atas papan PCB

2.6 Senarai komponen yang digunakan.

Salt Tester

R1	470 ohm
R2, R5	10K
R3, R6	220K
R4	5K
R7	680 ohm
R8	2K
R9, R10, R11, R12, R13	1K
C1	100uF
D1, D2, D3	Red
D4	Green
D5	Yellow
IC1	LM324 - LOW POWER QUAD OP-AMP
P1	SPST - PUSH BUTTON
PROBE	
B1	9V

Pedometer - KM counter

R1, R3	22K
R2	2.2M
R4	1M
R5,R7,R8	4.7K
R6	47 ohm
R9	1K
C1	47nF
C2	100nF
C3	10nF
C4	10uF
D1, D2	7- segment LED
IC1	4093 - Quad 2 input Schmitt NAND Gate IC
IC2	4024 - 7 Stage ripple counter IC
	4026 - decade counter with decoded 7- segment
IC3, IC4	LED
Q1, Q2	BC 327
P1, P2	SPST - PUSH BUTTON

SW1, SW2, SW3	SPST - MERCURY SWITCH SPST - SLIDER SWITCH	
BZ B1		3V
<u>Tan Timer</u>		
R1		47K
R2		2M
R3, R5		120K
R4		photo resistor
C1, C3		10uF
C2		220nF
D1, D2		IN4248
IC1		4060
1C2		4017
Q1		BC337

SW1

SW2

BZ1

B1

rotary switch

SPST slider switch

buzzer

battery 3V

3.0 PENGENALAN

Projek ini merupakan projek yang dijalankan untuk tujuan pengujian ke atas kesihatan dimana litar yang direka merupakan gabungan beberapa litar yang boleh di gunakan dalam penghidupan seharian. Kami amat mementingkan kesihatan dalam kehidupan, maka tercetuslahh idea untuk mereka serta menggabungkan litar-litar ini menjadi satu litar yang tidak kompleks serta mampu di bawa serta di gunakan tanpa memudaratkan pengguna alatan rekaan kami. Tanpa mengeluarkan kos tinggi kami telah mencari sumber serta bahan dari keluaran tempatan dan hanya beberapa komponen spesifik yang memerlukan kami membuat pesanan daripada pembekal yang mengimport komponen dari luar negara.

Di dalam zaman yang serba moden ini manusia semakin lalai dan lupa untuk menjaga serta mementingkan penjagaan terhadap kesihatan. Kajian yang telah dilakukan mendapati hampir setengah daripada penduduk dunia berisiko untuk mendapat penyakit jantung sebelum berumur 40 tahun. Kita tidak perlu bersusah payah untuk menghabiskan wang ringgit untuk membeli produk penjagaan kesihatan tetapi cukuplah sekadar menjaga pemakanan serta tidak meninggalakan senaman. Dengan dunia kini dipenuhi oleh pencemaran , maka setiap manusia haruslah berusaha untuk mengekalkan taraf kesihatan serta taraf pemakanan mewreka tanpa mengira atau menyahkan diri mereka sendiri.

Kami telah memikirkan kesan buruk ini kepada manusia serta telah menggabungkan litar- litar berikut;

- 1) litar pengujian garam
- 2) litar pemasa "tan"
- 3) litar pedometer

3.1 Litar Pengujian Garam

Litar ini telah direka untuk mengukur tahap kandungan garam dalam cecair makanan di mana ia menggunakan dua probe yang terdapat padanya untuk mengukur tahap kandungan atau tahap kepekatan garam yang telah digunakan untuk menghasilkan satu sajian tersebut. Tanpa memerlukan peranti atau stimulator tambahan, probe hanya perlu di letakkan pada makanan atau cecair yang diuji tanpa perlu bersusah payah . Litar ini akan mengesan tahap kandungan garam dalam sajian tersebut. Dengan itu kita akan dapat mengetahui bahawa makanan itu baik ataupun sebaliknya. Litar ini akan memaparkan samada makanan itu mempunyai tahap kandungan garam yang tinggi atau yang rendah. Kesimpulan yang kita dapat ialah satu kaedah dimana kita tidak perlu risau lagi tentang makanan yang kita masak atau beli mempunyai tahap kandungan garam yang banyak atau sebaliknya, kita perlu menggunakan litar ini untuk mnguji makanan tersubut.

3.2 Litar 'Pedometer (KM-counter)'

Kebanyakan manusia pada masa kini tidak mempunyai masa untuk bersukan kerana sibuk dengan urusan-urusan lain. Dengan satu cara untuk menjaga kesihatan ialah dengan melakukan jogging pada waktu petang atau pagi. Cuba bayangkan bagaimana suri rumah sepenuh masa dapat berjogging pada hal urusan di rumah banyak yang terbengkalai. Dengan ini wujudlah satu alat yang dapat menyelesaikan masalah untuk suri rumah pada masa kini. Alat ini dinamakan pedometer dimana litar yang digunakan adalah aplikasi dari litar yang digunakan untuk menyukat berapa jauh perjalanan kita semasa berjogging. Mungkin ramai orang beranggapan bahawa berjalan merupakan perkara biasa tetapi bagi surirumah tangga berjalan adalah satu senaman yang baik. Dengan litar atau alat ini ia akan mengukur jumlah pergerakan surirumah tersebut ketika melakukan tugas seharian dan akan membandingkan jumlah tersebut dengan jumlah berapa jauh kita berjogging. Maka jumlah pergerakan dapat disukat dengan hanya mengkandung alat ini dan melakukan tugas harian seperti biasa, setelah siap melakukan tugas ia akan memaparkan jumlah pergerakan kita dalam jumlah km mengikut pergerakan kita semasa melakukan kerja di rumah. Alat ini juga mempunyai fungsi utamanya untuk menyukat perjalanan kita semasa berjogging. Ini dapat menjimatkan kos dimana produk ini mempunyai 2 fungsi yang berbeza tetapi boleh digunakkan untuk untuk satu tujuan iaitu "kesihatan".

3.3 Litar 'Tan Timer'

